

Soalan 1 (a) – 6 markah

*Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Penggunaan email memberikan kemudahan untuk seseorang menyampaikan mesej dalam beberapa saat sahaja.

- (ii) Ketua sendiket pemalsuan kad kredit telah diberkas oleh pihak polis dalam serbuan semalam.

- (iii) Guru pembimbing itu telah memberikan keterangan yang jelas tentang profesyen sebagai pakar bedah.

- (iv) Kenaikan harga barang sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa agar tidak membebankan gulungan berpendapatan rendah.

- (v) Kakak sedang memasak mee goreng.

- (vi) Pasaraya itu telah disita oleh pihak berkuasa pada minggu lepas.
